

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kemahiran lisian, membaca, dan menulis merupakan kemahiran bahasa yang ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah sama ada di sekolah kebangsaan atau sekolah menengah. Antara ketigatiga kemahiran tersebut, kemahiran menulis dianggap kemahiran paling tinggi tatatingkatnya dan paling sukar diajar. Hal ini demikian kerana pada dasarnya hampir semua manusia yang normal boleh menguasai kemahiran bertutur dan membaca, tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang boleh menulis dan mengarang dengan baik. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di negara kita, malah di negara-negara maju juga.

Di Amerika Syarikat, apabila satu artikel yang berjudul "*Why Johnny Can't Write*" disiarkan dalam jurnal Newsweek pada tahun 1975, masalah kelemahan pelajar dalam bidang penulisan mula mendapat perhatian semua pihak terutamanya guru-guru, pensyarah, dan media massa. Selepas artikel tersebut disiarkan, beberapa perbincangan dan forum tentang masalah tersebut, khususnya dibawah tajuk "*Current Writing Crisis in Schools*" telah diadakan dan disiarkan melalui media televisyen, radio, dan akhbar di Amerika Syarikat.

Berikutan itu tersebut, kajian demi kajian telah dijalankan bagi menilai prestasi penulisan pelajar di sekolah, maktab, dan universiti. Di kalangan pelajar sekolah, Shanhnassy (1977) telah melaporkan bahawa kelemahan penulisan adalah amat ketara di kalangan pelajar yang menggunakan dialek dalam pertuturan harian mereka. Pelajar sering mencampuradukkan dialek tempatan dalam penulisan mereka. Lyons (1976) pula dengan tegas mengatakan bahawa ramai pelajar universiti lemah dalam penulisan eseai walaupun telah bertahun-tahun mereka mempelajari bahasa. Sebagai rumusan terhadap permasalahan ini, beliau mengatakan :

*"It appears that writing problem is not a matter of a minority
for whom writing is especially problematic but rather a matter
of the majority."*

Sehubungan dengan masalah ini, National Assessment of Educational Progress di Amerika Syarikat telah menjalankan penyelidikan, mengumpul data, dan merancang pelbagai strategi untuk menangani masalah tersebut.

Di Malaysia pula, Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Laporan Prestasi Calon Sijil Pelajaran Malaysia menegaskan bahawa kualiti bagi kebanyakan karangan pelajar hanya berada pada tahap lemah atau sederhana.

Menurut laporan tersebut, kebanyakan calon pada dasarnya boleh menulis. Walau bagaimanapun, mereka gagal mengarang dengan baik sedangkan mereka mempelajari Bahasa Melayu selama lima tahun di sekolah menengah. Sepatutnya mereka mahir menguasai semua kemahiran dalam pengajaran bahasa.

Ekoran daripada kesedaran tentang krisis yang terdapat di kalangan pelajar di Amerika Syarikat, beberapa persoalan telah mula ditimbulkan oleh para pendidik bahasa, khususnya dari segi keberkesanan kaedah dan teknik pengajaran penulisan di sekolah-sekolah. Aspek-aspek lain yang berkaitan pernah juga dipersoalkan. Misalnya :

- (a) Adakah teknik penilaian yang digunakan oleh para guru bahasa bagi menilai karangan pelajar-pelajar sesuai dan berguna kepada para pelajar bagi mengatasi kelemahan dan meningkatkan kemahiran menulis?
- (b) Apakah kelemahan dalam teknik pengajaran yang diamalkan oleh para guru yang mengajar penulisan dan bagaimana boleh diperbaiki atau dicari teknik-teknik alternatif yang lebih berkesan.
- (c) Adakah kelemahan para pelajar dalam bidang penulisan karangan dan eseai akibat daripada tradisi ujian aneka pilihan dalam hampir kesemua kurikulum sekolah?

- (d) Dari segi penyelidikan, apakah masalah utama yang seharusnya diberi fokus kajian tentang kemahiran menulis?

Berbagai-bagi soalan dan andaian (hipotesis) telah dibuat bagi tujuan penyelidikan. Dalam bidang penulisan, salah satu daripada soalan-soalan penting yang pernah ditanyakan oleh para penyelidik adalah mengenai variabel-variabel atau faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kualiti penulisan para pelajar. Hal ini dianggap sebagai soalan yang amat penting kerana pengetahuan mengenainya boleh mencadangkan berbagai-bagi langkah dari segi pedagogi bagi meningkatkan kemahiran menulis.

Senario ini dengan jelas menggambarkan bahawa matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah gagal mencapai matlamat yang diharapkan. Berdasarkan Huraian Sukatan Bahasa Malaysia (1989) tujuan akhir pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah adalah untuk membolehkan para pelajar menguasai semua kemahiran bahasa supaya mereka dapat berkomunikasi dengan berkesan sama ada secara lisan atau tulisan. Secara rasmi, keupayaan seseorang pelajar menguasai kemahiran Bahasa Melayu diukur melalui pencapaianannya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan awam iaitu Penilaian Menengah Rendah, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Kegagalan pelajar mendapat

peringkat kepujian bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia menggambarkan bahawa matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu gagal dicapai sepenuhnya. Hal ini dibuktikan lagi dengan kajian Awang Sariyan (1980) yang jelas menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Melayu pada peringkat kemahiran menulis gagal mencapai standard baku yang diharapkan. Banyak kesilapan yang dilakukan bermula dari aspek tanda baca, ejaan, tatabahasa hingga ke masalah morfologi dan sintaksis.

Sebenarnya kejayaan mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu amat penting bagi seseorang calon, bukan sahaja kerana kejayaan itu menentukan peringkat sijil yang akan diperoleh, tetapi kerana mempunyai nilai ekonomi juga. Kelulusan pada peringkat kepujian diambil kira apabila pelajar lepasan SPM hendak melanjutkan pelajaran atau mencari pekerjaan terutamanya di sektor awam. Oleh itu, untuk memastikan pelajar mendapat kelulusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, pelajar seharusnya menguasai semua kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

1.2 Penyataan Masalah

Pelajar pada peringkat tingkatan lima telah melalui tiga peringkat persekolahan. Bermula dari peringkat sekolah rendah selama enam tahun, mereka kemudian akan belajar di sekolah menengah di tingkatan satu, dua, dan tiga untuk pengajian peringkat menengah rendah. Apabila mereka lulus di peringkat PMR atau SRP (sebelum tahun 1990), mereka meneruskan persekolahan di tingkatan empat dan lima untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dari aspek latar belakang kebahasaan, pelajar tingkatan lima pada dasarnya boleh dianggap golongan yang dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik dan sempurna. Hal ini kerana matlamat asas pengajaran Bahasa Melayu adalah untuk membolehkan para pelajar menggunakanya untuk :

- i. Memahami berbagai-bagai bahan lisan dan tulisan dalam bentuk makalah akademik, majalah-majalah, akhbar, ceramah, forum, dan menghayati karya kreatif.
- ii. Bertutur dengan fasih dan lancar serta dapat melahirkan perasaan, pengalaman, pendapat, dan pengetahuan melalui bentuk lisan dan tulisan dengan menggunakan bahasa yang baik.

Jadi, matlamat akhir pendidikan Bahasa Melayu pada peringkat tingkatan lima adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat menggunakan bahasa Melayu baku sebagai alat untuk melahirkan buah fikiran yang bernes, berkesan serta dapat difahami oleh khalayak. Untuk memastikan matlamat tersebut tercapai, penguasaan tatabahasa yang sempurna amatlah penting supaya mesej yang hendak disampaikan akan difahami.

Persoalannya, sejauh manakah matlamat tersebut berjaya dicapai? Adakah semua pelajar pada peringkat SPM berjaya menguasai Bahasa Melayu dengan sempurna (baku). Persoalan ini akan terjawab apabila keputusan peperiksaan diumumkan. Setiap tahun apabila keputusan peperiksaan SPM diumumkan, persoalan tentang kemerosotan para pelajar menjadi topik hangat pelbagai pihak, misalnya guru-guru, ibu bapa, dan para penyelidik perkembangan dan kemajuan Bahasa Melayu. Kemerosotan tersebut telah mencetuskan kesedaran di kalangan golongan tertentu untuk melihat persoalan ini secara lebih objektif dari pelbagai sudut.

Ekoran daripada kemerosotan tersebut, rasa tidak puas hati terhadap golongan tertentu diluahkan. Ibu bapa sudah tentu akan menuduh guru tidak mengajar dengan baik. Guru-guru pula akan mendakwa para pelajar kurang berusaha dan ibu bapa pula tidak mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak mereka.

Selain itu, dibangkitkan juga soal buku teks yang kurang sempurna dan sebagainya.

Senario ini menggambarkan kepada kita betapa rendahnya tahap penguasaan bahasa di kalangan pelajar. Salah satu faktor penyebab gejala ini berlaku ialah kegagalan pelajar menguasai tatabahasa Bahasa Melayu. Hal ini kerana dalam sistem peperiksaan umum di negara kita sama ada di peringkat Penilaian Menengah Rendah, Sijil Pelajaran Malaysia, atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, salah satu aspek bahasa yang diberi perhatian dalam pemarkahan kertas Bahasa Melayu ialah tatabahasa. Aspek-aspek lain ialah isi, ejaan, tanda baca, laras bahasa dan sebagainya.

Entah disebabkan calon tidak menitikberatkan aspek bahasa atau disebabkan kurang menguasai bahasa, yang jelas ialah penguasaan tatabahasa kebanyakan calon peperiksaan memang lemah. Dalam penulisan karangan umpananya, sesetengah calon gagal mendapat markah karangan yang baik bukan kerana tidak dapat mengemukakan isi-isi yang dikehendaki, tetapi semata-mata kerana terlalu banyak melakukan kesalahan bahasa. Kegagalan calon menguasai tatabahasa menyebabkan isi atau maksud yang hendak disampaikan menjadi kabur dan sukar atau tidak difahami.

Sumber paling jelas untuk melihat kelemahan pelajar dalam penguasaan kemahiran menulis karangan pada peringkat tingkatan lima ialah Laporan Tahunan Prestasi SPM yang diterbitkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (1995). Laporan tersebut telah merumuskan bahawa kelemahan penguasaan tatabahasa merupakan salah satu faktor calon-calon gagal mendapat markah yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam kertas 1 (karangan). Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut dan berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai guru mata pelajaran Bahasa Melayu, pengkaji berasa terpanggil untuk mengkaji kesilapan penggunaan tatabahasa dalam penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar tingkatan lima.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bermatlamat untuk menilai tahap penguasaan tatabahasa dalam penulisan karangan di kalangan pelajar tingkatan lima, Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Chempedak, Guar Chempedak, Kedah Darul Aman. Untuk mencapai matlamat tersebut, 30 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel dan mereka dikehendaki menulis sebuah karangan berdasarkan tajuk - tajuk yang diberi.

Secara khusus, objektif kajian ini ialah :

1.3.1 Mengenal pasti kesilapan tatabahasa yang dilakukan dalam penulisan karangan pelajar. Kesilapan tatabahasa yang dikaji ialah :

- a) Kesilapan penggunaan kata pemerl *ialah* dan *adalah*.
- b) Kesilapan penggunaan kata sendi *di*.
- c) Kesilapan penggunaan kata jamak.

1.3.2 Menentukan kekerapan kesilapan penggunaan kata tersebut yang sering dilakukan oleh pelajar.

1.3.3 Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kesilapan tersebut.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini difikirkan penting kerana :

1.4.1 Walaupun guru yang berpengalaman biasanya dapat meramalkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar, namun ramalan mereka belum tentu betul atau tepat. Ini kerana ramalan mereka bersifat subjektif

dan bukan berdasarkan data yang emperis. Akibatnya, mereka mungkin tersilap membuat andaian dan menekankan aspek bahasa yang kurang penting dalam pengajaran sedangkan, aspek yang penting dan sukar dikuasai pelajar diabaikan. Oleh yang demikian, kajian ini penting untuk menambahkan pengetahuan pihak guru tentang kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dengan lebih tepat dan objektif.

- 1.4.2 Dapatan kajian ini akan dimaklumkan kepada pelajar. Oleh itu, pelajar akan dapat menilai tahap penguasaan bahasa dan kekerapan kesilapan yang dilakukan. Dengan yang demikian, diharapkan mereka akan berusaha untuk mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu terutamanya dari aspek tatabahasa. Usaha mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa amatlah penting dan perlu dimaksimumkan agar sejajar dengan tuntutan Kementerian Pendidikan iaitu pelajar mesti lulus Bahasa Melayu pada peringkat kepujian untuk mendapat pangkat satu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

- 1.4.3 Dapatan kajian ini juga sangat berguna kepada guru-guru Bahasa Melayu terutamanya guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Chempedak untuk menilai kembali pengajaran mereka dan berusaha meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran untuk menangani

kesilapan yang dilakukan. Mereka juga boleh menyusun strategi pengajaran yang difikirkan lebih efektif agar mutu penguasaan bahasa di kalangan pelajar dapat ditingkatkan. Guru-guru juga dapat menjadikan kajian ini sebagai model untuk melakukan kajian yang serupa terhadap pelajar mereka tetapi mungkin dari aspek yang lain. Oleh itu, mereka akan dapat memahami daerah kelemahan pelajar dengan lebih objektif dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian.

- 1.4.4 Dapatkan kajian ini juga akan dimaklumkan kepada Guru Kanan Bahasa dan Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Chempedak . Diharapkan mereka yang terlibat dalam panitia Bahasa Melayu, terutamanya Guru Kanan Bahasa dan Ketua Panitia Bahasa Melayu akan menyedari punca-punca kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan sama-sama berusaha untuk mengatasi masalah tersebut. Langkah-langkah yang disarankan oleh pengkaji untuk mengatasi masalah tersebut dalam bab 4 boleh dijadikan pelan tindakan pada masa akan datang.
- 1.4.5 Akhir sekali, hasil kajian ini jelas membuktikan bahawa para pelajar, guru-guru, dan ibu bapa sama-sama bertanggung jawab terhadap kemerosotan para pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, diharapkan

episod tuduh-menuduh yang berlaku selama ini antara satu sama lain dapat ditamatkan. Masing-masing menginsafi kelemahan sendiri dan sama-sama berganding bahu bekerja dalam satu pasukan untuk mengatasi masalah tersebut.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini berdasarkan 30 buah karangan Bahasa Melayu yang ditulis oleh 30 orang pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Chempedak. Pelajar yang dipilih (sampel) dikehendaki menulis sebuah karangan berdasarkan tajuk-tajuk yang diberi. Panjang setiap karangan kira-kira 350 patah perkataan dan ditulis dalam masa 1 jam 30 minit, selaras dengan masa yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk menjawab soalan Bahasa Melayu kertas 1 (penulisan karangan) kepada semua calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Kajian ini dibataskan terhadap kesilapan tatabahasa dalam penggunaan tiga jenis kata iaitu kata pemerl *ialah* dan *adalah*, kata sendi *di*, dan kata jamak. Kesilapan-kesilapan tatabahasa yang lain akan diabaikan.

Kesilapan penggunaan *kata pemerl* dikaji dari aspek :

- i. Kesilapan penggunaan kata pemerl *ialah*.

- ii. Kesilapan penggunaan kata pemerl *adalah*.
- iii. Kesilapan penggunaan kata pemerl bersama kata nafi.
- iv. Kesilapan penggunaan kata pemerl yang bersifat kelewahan.

Sementara itu, kesilapan penggunaan *kata sendi di* pula dilihat dari aspek :

- i. Kesilapan penggunaan kata sendi *di* kerana merapatkannya dengan perkataan yang menunjukkan tempat atau arah.
- ii. Kesilapan penggunaan sendi nama *di* kerana menggantikan awalan *di* bagi kata kerja pasif.
- iii. Kesilapan penggunaan sendi nama *di* yang menunjukkan masa atau tempat.
- iv. Kesilapan penggunaan sendi nama *di* yang disebabkan oleh pengabaian penggunaan sendi nama *di* itu sendiri.

Kesilapan penggunaan *kata jamak* pula dilihat dari aspek :

- i. Kesilapan pengulangan kata nama yang berlebihan.
- ii. Kesilapan pengulangan kata yang didahului oleh kata bilangan jamak.
- iii. Kesilapan pengulangan kata yang sudah menunjukkan maksud jamak.

1.6. Contoh Karangan Pelajar

Sebanyak 30 buah karangan telah digunakan untuk mengumpul data bagi tujuan analisis kesilapan dalam kajian ini. Merandangkan 30 buah karangan terlalu banyak untuk dimasukkan sebagai lampiran, pengkaji telah membuat ketetapan untuk melampirkan 8 buah karangan sahaja. Karanganyang dilampirkan meliputi ketiga-tiga tajuk yang ditulis oleh pelajar dan mengandungi kesilapan-kesilapan yang menjadi tumpuan kajian.